

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN NOVEMBER 2021

1. PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG KALI KEDUA TAHUN 2021

Seksyen Operasi di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Perhimpunan Bulanan Jabatan kali kedua bagi tahun 2021 bertempat Bilik Mesyuarat JANMPP dan juga secara atas talian pada 11 November 2021 dari jam 9 pagi hingga 12 tengahari.

Agenda perhimpunan ini dirasmikan oleh Encik Saripudin. Seramai 89 orang pegawai dari PTJ di Pulau Pinang telah mengikuti program ini. Taklimat ini dijalankan secara atas talian 'Lifesize' berikutan norma baharu.



Pegawai menghadiri Perhimpunan Bulanan dari Bilik Mesyuarat JANM



Sebahagian pegawai melayari sesi perhimpunan secara atas talian dari tempat masing-masing



Sebahagian pegawai melayari sesi perhimpunan secara atas talian dari tempat masing-masing




Penyampaian sumbagan barangan keperluan pantri JANM



Penyampaian sumbagan barangan keperluan pantri JANM



Penyampaian hadiah kepada pemenang 'Cabaran Kurus' anjuran Kelab JANMPP




Ucapan tahniah kepada penerima AAK

2. TAKLIMAT PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN 2021

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Taklimat Penutupan Akaun bagi tahun 2021 pada 17 November 2021. Taklimat ini diadakan secara atas talian di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang, Tingkat 42, KOMTAR. Kursus telah disampaikan oleh Puan Nor Apzah binti Md Ali, Ketua Penolong Pengarah daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Seramai 224 orang peserta terdiri daripada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Pulau Pinang menghadiri taklimat ini secara atas talian. Taklimat ini diadakan untuk memaklumkan tarikh akhir proses dokumen kewangan tahun 2021 oleh Kementerian/Jabatan dan bagi melancarkan urusan penutupan akaun dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun kewangan 2021.



Slide show Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2021



Sebahagian pegawai yang terlibat dengan penutupan akaun di Bilik Mesyuarat
JANM




Puan Nor Apzah binti Md Ali memberikan taklimat

3. BENGKEL ANALISA ACL

Unit Naziran, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengajurkan Bengkel Analisa ACL pada 23 dan 24 November 2021. Taklimat ini diadakan secara atas talian dan sebahagian peserta lagi di Bilik Latihan JANM Pulau Pinang, Tingkat 40, KOMTAR dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Hafizul bin Md Hadzir dan Puan Ropizah binti Yasin dari Unit Naziran, JANM.

Seramai 13 orang peserta dari Unit Naziran JANM Pulau Pinang menghadiri bengkel ini secara atas talian. Bengkel ini diadakan untuk meningkatkan kefahaman berkenaan kaedah semakan data ACL dan meningkatkan kemahiran peserta dalam menjalankan semakan dan naziran.




Penceramah memberi taklimat dari bilik sendiri



Sebahagian peserta dari Bilik Latihan JANMPP



Sebahagian peserta dari Bilik Latihan JANMPP



Sebahagian peserta dari Bilik Latihan JANMPP